

**PENCARIAN DAN PEMAHAMAN MAKLUMAT BERKAITAN AQIDAH MELALUI  
YOUTUBE DALAM KALANGAN GENERASI MUDA ISLAM: SATU KAJIAN  
TERHADAP PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Mohd Nizho Abdul Rahman

[nizho@uum.edu.my](mailto:nizho@uum.edu.my)

Pusat Pengajian Umum, College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia  
(UUM)

Norizah Aripin

Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, College of Arts and  
Sciences, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Awan Ismail

Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, College of Arts and  
Sciences, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Mohd Sobhi Ishak

Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, College of Arts and  
Sciences, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Nik Adzrieman Abdul Rahman

Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, College of Arts and  
Sciences, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Mot Madon

Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, College of Arts and  
Sciences, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Mohd Faisal Mustaffa

Pelajar PhD Universiti Utara Malaysia (UUM)

**ABSTRAK**

"YouTube" merupakan laman web paling popular dan meluas penggunaannya yang memberi ruang kepada pengguna memuat naik pelbagai jenis video. Kini, pelbagai video berkonsepkan maklumat berkaitan Islam telah tersebar luas dalam "YouTube" berdasarkan sambutan dan trend kehidupan masyarakat moden dewasa ini terutama generasi muda. Objektif kertas kerja ini adalah untuk mengenal pasti jenis maklumat berkaitan Aqidah yang dilayari dalam "YouTube". Metodologi kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Pendekatan yang digunakan adalah temubual kumpulan fokus terhadap empat kumpulan yang terdiri daripada 31 pelajar Universiti Utara Malaysia beretnik Melayu dan beragama Islam serta mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan agama. Seterusnya, soalan yang dikemukakan kepada pelajar berbentuk soalan terbuka dan analisis kajian ini menggunakan analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa informan melayari "YouTube" berkaitan dengan aqidah iaitu 26%. Hasil kajian juga mendapati bahawa kebanyakan informan akan melayari "You Tube" berkaitan aqidah ketika timbulnya isu-isu semasa yang mendesak kepada kefahaman yang betul terhadap perkara tersebut seperti isu Syiah, Tarikat, kalimah Allah, murtad, ajaran sesat dan sebagainya. Justeru mereka mempunyai kefahaman dan kepekaan terhadap aqidah sebagai benteng yang mendasari perjalanan hidup mereka. Berdasarkan hasil kajian ini, didapati bahawa peranan yang amat besar hasil daripada pegangan aqidah yang betul mampu melahirkan seorang hamba sebagai khalifah yang memakmurkan bumi ini dengan aqidah yang benar. Generasi Muda Islam juga mampu mengenengahkan sumber daripada al-Quran dan Sunah Nabi S.A.W yang menjadi rujukan kepada mereka.

Kata kunci: *YouTube, Jenis Maklumat Aqidah, Generasi Muda*

## **Pengenalan**

Kehidupan di zaman moden memerlukan kepada pengawasan diri yang mantap. Ini kerana setiap maklumat yang diperolehi sudah tentu datang dari pelbagai arah tanpa sekatan dan sempadan. Kemudahan untuk memperolehi sesuatu maklumat dikatakan sangat cepat dan mudah sehingga maklumat tersebut diperolehi hanya melalui hujung jari seseorang. Teknologi adalah suatu alat komunikasi yang pantas dan berkesan jika digunakan dengan baik. Justeru, YouTube adalah merupakan salah satu medium yang digunakan secara meluas dalam teknologi kini. Golongan yang paling ramai menggunakan kemudahan ini adalah generasi muda Islam. Kajian yang dilakukan ini cuba melihat bagaimana generasi ini menggunakan teknologi yang ada bagi mendapat maklumat berkaitan agama Islam yang menjadi anutan mereka. Oleh yang demikian, Islam sebagai agama yang syumul tidak pernah menolak pembaharuan yang dilakukan oleh mana-mana individu selagi ia tidak bercanggah dengan asas yang sedia ada. Asas tersebut antaranya mengajar penganutnya sentiasa bertanya dalam hal yang tidak mereka ketahui. Firman Allah Taala yang bermaksud:-

"Bertanyalah kepada orang yang berpengetahuan, jika sekiranya kamu tidak mengetahui sesuatu."

Justeru, bagi memahami Islam, aqidah adalah merupakan asas kepada agama Islam. Ia adalah merupakan tunjang kepada diri seseorang. Setiap pegangan dalam Islam tidak akan lari daripada 2 sumber rujukan yang paling utama iaitu al-Quran dan Sunnah. Ini adalah panduan yang menyelamatkan manusia daripada tersasar

daripada landasan yang benar. Sebarang penolakan ke atas aqidah akan membawa kepada kepincangan hidup di dunia mahupun di akhirat.

### **Definisi Aqidah**

Aqidah dari sudut bahasa berasal dari kata al-'aqdu (العقد) yaitu kesepakatan kuat antara satu dengan yang lain. Al 'aqdu sendiri bererti al- syadd (الشد) yaitu kuat dan al-raabith (الرابط) yaitu ikatan yang kuat.

Pengertian Aqidah dari sudut istilah pula, bererti حكم الذهن الجازم yaitu keyakinan hati yang kuat. Justeru ucapan lisan tidak termasuk keyakinan hati. Sebagai contoh orang munafik mengucapkan Laailaha illallah hanya di mulutnya saja, maka ini tidak termasuk aqidah. Karena aqidah itu keyakinan hati bukan ucapan lisan yang keluar dari mulut tetapi dibenarkan oleh hati dan dipraktikkan oleh anggota tubuh. Justeru, tidak termasuk dalam pengertian aqidah adalah keragu-raguan. Karena aqidah itu keyakinan yang kuat bukan ragu-ragu. Oleh yang demikian, Aqidah membawa kepada pengertian, عقيدة هو شيء معتقد (Aqidah adalah sesuatu yang diyakini).

### **Jenis-jenis Aqidah**

Dalam aqidah tidak disyaratkan harus sesuai dengan kenyataan. Berhubungan dengan hal ini, aqidah terbagi menjadi dua:

1. Aqidah Shahihah (aqidah yang benar) yaitu aqidah yang sesuai dengan kenyataan dan kebenaran. Inilah aqidah yang dibawa Rasulullah shallallahu'alaihi wasallam. Yaitu semua khabar yang datang dari Allah Ta'ala dan dari Nabi shallallahu'alaihi wasallam yang terdapat dalam Al Qur'an dan hadits Nabi yang shahih. Seperti berita ghaib tentang surga, neraka, turunnya Nabi Isa, keluarnya dajjal, siksa dan nikmat kubur dan sebagainya.

2. Aqidah Faasidah (aqidah yang rusak) yaitu aqidah yang menyelisihi kenyataan dan kebenaran. Seperti aqidah orang krestian yang meyakini konsep trinity, bahawa tuhan itu memiliki 3 unsur. Ini adalah kepercayaan, tapi aqidah atau pegangan yang rusak karena tidak bertepatan dengan kenyataan. Justeru, aqidah adalah kepercayaan dan keyakinan terhadap konsep keimanan kepada Allah Kepercayaan yang tersimpul kukuh dalam jiwa sehingga tidak mungkin terurai atau terputus dalam apa jua keadaan. Kepercayaan pula disusuli dengan pengakuan hati yang dinyatakan dengan lidah dan dipraktikkan dengan pacaindera.

### **Aqidah Menurut Al-Quran**

Akidah merupakan perkara pokok ataupun asas yang mengikat insan supaya mentauhidkan Allah. Justeru, tanpa akidah, setiap amalan pasti tertolak dan ibadah tidak akan diterima oleh Allah. Ini kerana tanpa akidah dan tauhid, seseorang akan cenderung untuk mensyirikkan Allah S.W.T sama ada disedari ataupun tidak. Jika Akidah telah mantap dan kuat, pasti seseorang akan beribadah dan berakhlak sepertimana tuntutan syariat. Aqidah sepertimana yang digambarkan di dalam al-

Quran menunjukkan seseorang akan mematuhi perintah Allah. Orang yang mengenal Allah tidak sama aqidahnya dengan orang yang tidak mengenali tuhanNya. Firman Allah Taala dalam surah al-Baqarah ayat 62 yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yahudi dan orang-orang Nasora (Nasrani), dan orang-orang Saabien sesiapa diantara mereka itu beriman kepada Allah dan (beriman kepada) hari akhirat serta beramal soleh, maka bagi mereka pahala balasannya disii Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (dari berlakunya yang tidak baik) kepada mereka, dan mereka tidak pula akan berdukacita".

Aqidah juga menjadikan seseorang itu mentauhidkan Allah dengan ertikata yang sebenar. Kepercayaan yang tidak berbelah bahagi kepada Allah menjauhkan seseorang dari mensyirikkan Allah kerana sesuatu yang lain tidak mampu memberi sebarang manfaat dan kemudahan. Firman Allah Taala yang bermaksud:

"Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudarat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu)".

Allah Taala menggambarkan ketegasan tentang keesaanNya seperti yang digambarkan dalam Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 163 yang bermaksud:-

"Tuhan kamu Tuhan Yang Maha Tunggal. Tidak ada tuhan yang lain hanyalah Dialah sendiri. Maha Pengasih lagi Maha Penyayang".

Ketegasan bukan hanya tentang keesaanNya semata-mata malah jika seseorang yang mensyirikkan Allah akan terkeluar daripada agama Islam. Firman Allah Taala yang bermaksud:

"Sesungguhnya kafirlah orang yang berkata bahawasanya Allah itu salah satu dari tiga. Tidak ada Tuhan lain selain Allah Yang Maha Tunggal. Jika mereka tidak menghentikan perkataannya, pasti azab siksaan akan menimpa orang yang kafir daripada golongan mereka".

### **Aqidah Menurut Al-Sunnah**

Aqidah menurut sunnah adalah suatu yang digambarkan sebagai pokok-pokok ajaran Islam, iaitu Iman, Islam dan Ihsan. Islam membicarakan masalah yang berkaitan dengan zahir, diikuti oleh iman yang membicarakan masalah berkaitan dengan batin, dan ihsan pula membicarakan sesuatu yang mencakupi kedua-duanya.

Dari Umar r.a juga dia berkata : "Ketika kami duduk-duduk disisi Rasulullah Saw. suatu hari tiba-tiba datanglah seorang laki-laki yang mengenakan baju yang sangat putih dan berambut sangat hitam, tidak tampak padanya bekas-bekas perjalanan jauh dan tidak ada seorangpun diantara kami yang mengenalnya. Hingga kemudian dia duduk dihadapan Nabi lalu menempelkan kedua lututnya kepada lututnya (Rasulullah Saw) seraya berkata: "Ya Muhammad, beritahukan aku tentang Islam?", maka bersabdalah Rasulullah Saw : "Islam adalah engkau bersaksi bahwa tidak ada illah (Tuhan yang disembah) selain Allah, dan bahwa Nabi Muhammad SAW adalah utusan Allah, engkau mendirikan shalat, menunaikan zakat, puasa Ramadhan dan pergi haji jika mampu", kemudian dia berkata: "anda benar". Kami semua heran, dia yang bertanya dia pula yang membenarkan. Kemudian dia bertanya lagi: "Beritahukan aku tentang Iman". Lalu beliau bersabda: "Engkau beriman

kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya dan hari akhir dan engkau beriman kepada takdir yang baik maupun yang buruk”, kemudian dia berkata: “anda benar”. Kemudian dia berkata lagi: “Beritahukan aku tentang ihsan”. Lalu beliau bersabda: “Ihsan adalah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihatnya, jika engkau tidak melihatnya maka Dia melihat engkau”. Kemudian dia berkata: “Beritahukan aku tentang hari kiamat (kapan kejadiannya)”. Beliau bersabda: “Yang ditanya tidak lebih tahu dari yang bertanya”. Dia berkata: “Beritahukan aku tentang tanda-tandanya”, beliau bersabda: “Jika seorang hamba melahirkan tuannya dan jika engkau melihat seorang bertelanjang kaki dan dada, miskin dan penggembala domba, (kemudian) berlomba-lomba meninggikan bangunannya”, kemudian orang itu berlalu dan aku berdiam sebentar. Kemudian beliau (Rasulullah) bertanya: “Tahukah engkau siapa yang bertanya?” aku berkata: “Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui”. Beliau bersabda: “Dia adalah Jibril yang datang kepada kalian (bermaksud) mengajarkan agama kalian”. (Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis Jibril inilah, terbentuknya asas yang utama kepada cabang kefahaman Islam yang berteraskan kepada ilmu berkaitan dengan aqidah (soal iman), ilmu berkaitan dengan syariah (soal islam dan kehidupan) dan perkara berkaitan dengan tasawwuf (soal akhlak). Seterusnya gambaran tentang pengukuhan aqidah seseorang dinyatakan oleh Nabi S.A.W di dalam hadisnya yang bermaksud:

Dari Abu Abdurrahman, Abdullah bin Umar bin Al-Khattab r.a dia berkata: “Saya mendengar Rasulullah Saw bersabda, Islam dibangun diatas lima perkara. Bersaksi bahwa tiada ilah yang berhak disembah selain Allah dan bahwa nabi Muhammad utusan Allah, menegakkan shalat, menunaikan zakat, melaksanakan haji dan puasa Ramadhan”. (Riwayat Tirmizi dan Muslim)

Mantapnya Aqidah adalah seperti bangunan yang kukuh dengan didokongi dengan *pailing*, tiang, dinding dan atap yang kuat. Keesaan kepada Allah dan membenarkan kerasulan Nabi S.A.W merupakan perkara yang paling utama dalam pegangan aqidah seseorang dibanding rukun-rukun yang lainnya. Oleh yang demikian, Aqidah di dalam Islam adalah berkaitan kepercayaan dan amal perbuatan. Tidak bermanfaat amal tanpa iman demikian juga tidak bermanfaat iman tanpa amal. Seterusnya Dua kalimah syahadah adalah rukun yang pertama daripada lima rukun Islam. Maksud rukun itu sendiri ialah; dasar, tiang, asas dan sendi (Kamus Dewan, 2007). Bagi mengukuhkan maksud bagi kedua-dua kalimah syahadah yang dimaksudkan, Rasulullah S.A.W bersabda di dalam hadisnya yang bermaksud:

“Tidaklah seseorang bersaksi bahwa tidak ada tuhan yang berhak disembah dengan benar melainkan Allah dan bahwasanya Muhammad adalah Rasul Allah, dengan jujur dari hatinya, melainkan Allah mengharamkannya masuk Neraka.” (Riwayat al-Bukhari)

Dalam hadith yang lain Imam Ahmad meriwayatkan hadith daripada Nabi S.A.W yang bermaksud:

“Orang yang paling berbahagia dengan syafa’atku pada hari Kiamat nanti adalah orang yang mengucapkan: ‘Laailaahailallaah,’ dengan ikhlas dari hati atau jiwanya.” (Riwayat Ahmad)

Pengakhiran kepada pengangan aqidah seseorang menurut al-Sunnah adalah Syurga. Sabda Nabi S.A.W:

“Barangsiapa yang mengucapkan dua kalimah syahadah diakhir hayatnya, sudah pasti baginya syurga”.

## Aqidah Menurut Perspektif Sarjana Islam

Menurut Dr Abd Rahman: Aqidah merupakan hukum akal yang pasti dan benar serta mempunyai hubungan dengan agama-agama pada kebiasaannya. Menurut Hasan al-Banna: Aqidah sesuatu yang berhubung dengan kepercayaan dan keyakinan dalam hati. Menurut Abu Bakar al-Juzairi: Aqidah merupakan sesuatu yang dibenarkan oleh akal dan dipercayai oleh hati. Dari sini boleh dikatakan bahawa aqidah adalah kepercayaan atau keimanan yang tetap dan suci. Kekuatan aqidah bergantung kepada 2 faktor:

1. Keyakinan terhadap kebenaran yang mutlak.
2. Keimanan yang disertakan dengan ilmu dan kemantapan rohani.

Oleh yang demikian, bagi mengikat seseorang agar ia beriman kepada Allah maka di sana ada pegangan yang mesti diikuti iaitu Rukun Iman Rukun Islam merupakan salah satu daripada perkara yang wajib diketahui oleh setiap individu muslim. Menurut Abdul Basit (2003) sesiapa mengucap dua kalimah syahadah dengan lidah tetapi mengingkari apa yang terkandung didalamnya dengan hatinya maka sesungguhnya ucapan yang diungkapkan itu tidak memberi manfaat kepadanya. Dua Kalimah Syahadah ini merupakan pintu masuk ke dalam Islam dan kedua-duanya merupakan Rukun Islam yang terbesar. Seseorang itu tidak dikira sebagai orang Islam kecuali dengan mengucapkan dua Kalimah Syahadah serta beramal dengan isi kandungannya dan dengan mengucapkannya, seorang kafir itu menjadi Islam. (Abdul Basit, 2003: 9)

Abu 'Ala Al-Mawdudi membincangkan tentang konsep tauhid di dalam risalahnya yang bertajuk "Lailaha Illallah: Manhaj Hidup Muslim" menggambarkan bagaimana hubungan kalimah Lailaha Illallah dengan perjalanan hidup mereka yang digelar Muslim. Pengabdian diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala adalah merupakan akar tunjang dan rukun pertama dalam aqidah Islamiyyah yang dijelmakan di dalam pengakuan: Tiada Tuhan Melainkan Allah (LAA ILAAHA ILLALLAH). Manakala menerima pengajaran dari Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam mengenai cara menjalankan dan melaksanakan pengabdian itu adalah merupakan bahagian yang kedua daripadanya, yang dijelmakan di dalam pengakuan: Muhammad itu ialah Utusan Allah (MUHAMMADUR RASULULLAH). (Abu A'la al-Maududi : 1990)

Sabirudin (2012) menyatakan apa yang dituntut oleh Islam kepada penganutnya ialah membenarkan dan mengakui dengan dua kalimah syahadah. Kedua-duanya merupakan asas terpenting dalam akidah Islam. Menurut Yusof Ali (2006), kalimah syahadah ataupun dikenali sebagai kalimah Tayyibah Lailaha Illallah adalah tulang belakang belakang pegangan Islam. Kalimah ini berdiri di atas dua bahagian iaitu pertamanya penolakkan (*nafi*) dan keduanya peneguhan (*ithbat*). Tanpa kalimah syahadah ini, seseorang itu tidak diiktiraf sebagai Islam. Karen Armstrong (1993) menyatakan kalimah Lailaha Illallah mempunyai maksud yang luas, hebat dan kaya untuk menerangkan islam secara keseluruhannya. Antaranya, tentang keseluruhan sistem kepercayaan, nilai, budaya, tamadun, masyarakat, politik dan ekonomi. Kesemua perkara ini disimpulkan di dalam satu kalimah yang begitu pendek dan ringkas. Kalimah Lailaha Illallah juga merupakan asas kepada mentauhidkan Allah SWT.

Yusof Al Qardahawi (1993), tauhid adalah merupakan suatu pegangan, pengilmuan dan sesuatu yang bersabit dengan penghayatan tentang pengesaan dan keesaan Allah Taala. Di dalam kalimah Lailaha Illallah, ianya adalah untuk mengesakan Allah SWT dan menafikan segala bentuk illah yang lain yang layak

disembah melainkan Allah SWT. Fadzlor Rahman (1999) menyatakan kalimah syahadah (tauhid) dapat membina masyarakat yang harmoni, menghasilkan perhubungan yang baik di antara individu di dalam masyarakat serta membina nilai asas kebaikan, kepercayaan, keadilan dan kasih sayang. Tujuan utamanya adalah untuk membina personaliti individu muslim, persekitaran yang positif dan perhubungan individu tersebut dengan orang lain secara sihat dan melaksanakan aktiviti yang baik.

## Aqidah Dan Teknologi

Aqidah merupakan satu pegangan dan ikatan seseorang muslim terhadap penciptanya yang melibatkan kepercayaan dan keyakinan dalam diri. Kekuatan seseorang itu terletak pada kemantapan aqidahnya. Ini kerana setiap perlakuan dan tidak tanduk seseorang itu dinilai di sisi Allah. Jika baik ia akan mendapat pahala, sebaliknya jika buruk, ia akan menanggung dosa tersebut. Agama Islam membuka seluasnya ruang kepada penganutnya untuk menggunakan apa sahaja kemudahan yang ada bagi memantapkan pegangan dan kepercayaan asalkan tidak bercanggah dengan ketetapan syarak. Sabda Nabi S.A.W

“Ingat setiap raja mempunyai batas sempadannya. Batas sempadan bagi Allah pula ialah benda yang diharamkan.” (Riwayat al-Bukhari)

Oleh yang demikian, setiap penggunaan maklumat yang berbentuk material tidaklah menjadi satu kesalahan selagi masih berada dalam batas sempadan syarak. Salah satu tuntutan semasa yang tidak dapat dielakkan ialah penggunaan teknologi bagi memahami sesuatu permasalahan terutamanya YouTube yang menjadi alat yang digunakan secara meluas kini. YouTube merupakan salah satu alat komunikasi yang paling popular dan membolehkan pengguna memuat naik video dalam pelbagai jenis. YouTube telah menjadi laman web ketiga paling dikunjungi di dunia (Alexa, 2011). Penggunaan laman sesawang YouTube semakin meluas dan menjadi trend kepada masyarakat masa kini. Ini dapat dibuktikan melalui pengalaman ketua pengarah JAKIM yang mendapat surat elektronik dari pelajar-pelajar sekolah dan universiti, yang di antara lainnya meninjau pandangan dan meminta penjelasan tentang beberapa isu agama dan isu-isu lain juga yang sering mengelirukan mereka. Beliau menambah kesedaran mereka menggunakan teknologi maklumat untuk mendapatkan pengetahuan dan penjelasan yang mungkin tidak dapat mereka perolehi melalui forum yang lain. Ada di antara pelajar itu yang menyatakan keengganan mereka untuk berkomunikasi dengan guru agama mereka disebabkan oleh beberapa keadaan, iaitu seperti perasaan malu, segan dan berbagai-bagai perasaan lain lagi, atau kerana sikap segelintir para guru mereka yang tidak dapat memahami masalah pelajar dari segi jiwa, latar belakang keluarga dan sebagainya. Dengan ini, maka terdapatlah jurang pemisah di antara pelajar dan guru, dan para pelajar lebih senang menggunakan e-mel untuk bertanyakan sesuatu kepada pihak lain (Ismail Ibrahim, 2008).

Maka dalam hal ini para bijak pandai agama seharusnya dapat menggunakan saluran komunikasi dengan para *madu'* mereka samada pelajar, pendidik dan anggota masyarakat umumnya melalui teknologi maklumat untuk menyebarkan ajaran dan nilai-nilai agama kepada umum. Sungguhpun teknologi maklumat telah digunakan agak meluas di negara kita melalui pembukaan laman-laman web untuk individu dan organisasi-organisasi yang tertentu, tetapi mungkin aktiviti ini tidak banyak melibatkan organisasi agama atau individu yang berautoriti dalam bidang agama di negara kita.

Maka ketika inilah, ia perlu menghubungi orang yang lebih arif untuk mendapatkan pandangan yang sebenar tentang perkara tersebut. Amat baik sekali sekiranya pihak institusi dan agensi agama serta individu-individu agama yang penting seperti para mufti mengambil kesempatan dari kemajuan teknologi maklumat ini bagi membuka saluran komunikasi dengan masyarakat umum terutamanya ketika masyarakat Islam dilanda berbagai-bagai cabaran pada masa ini. Mengikut kaedah usul fiqh sesuatu perkara itu adalah harus selagi tidak ada dalil yang menunjukkannya haram. Oleh itu anak-anak muda kita amat memerlukan pengetahuan ini, dan amat memerlukan penjelasan yang lanjut, tidak hanya mengetahui hukum bagi sesuatu undang-undang itu sahaja. Malah melibatkan perkara yang berkaitan aqidah yang menjadi asas kepada keimanan seseorang. Berdasarkan hal inilah, para bijak pandai Islam haruslah melibatkan diri dalam teknologi maklumat dan dapat menggunakannya untuk manfaat generasi muda dan masyarakat umumnya (Ismail Ibrahim, 2008).

### **Metodologi Kualitatif – Temubual Kumpulan Fokus**

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif menggunakan pendekatan fenomenologi yakni temubual bersemuka secara kumpulan fokus dengan menggunakan soalan terbuka. Temubual bersemuka ialah salah satu daripada pengumpulan data yang dilakukan dengan menemubual secara langsung responden yang dipilih sebagai subjek kajian (Rohana Yusof, 2004). Dalam kajian ini, temubual bersemuka secara kumpulan fokus yang melibatkan 31 pelajar Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai program yang beragama Islam.

Temubual ini dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut umur, jantina, latar belakang pendidikan dan program pengajian. Sesi kumpulan 1 mewakili 8 pelajar perempuan dan sesi kumpulan 2 mewakili 8 pelajar lelaki. Sesi kumpulan 3 mewakili 7 pelajar lelaki dan sesi kumpulan 4 pula mewakili 8 pelajar perempuan. Dari segi umur, kesemua 31 informan berumur sekitar antara 20 tahun hingga 25 tahun. Dari segi tahap pendidikan (kemasukan universiti) pula, 10 informan mempunyai kelayakan matrikulasi, 9 informan berpendidikan STPM, manakala 7 informan berpendidikan STAM dan 5 informan berpendidikan Diploma. Dari segi program pengajian seramai 8 informan mengikuti pengajian kewangan dan perbankan Islam, 4 informan pengajian pentadbiran muamalat, 3 informan pengajian perakaunan, 3 informan pengajian undang-undang, 2 informan pengajian sains pemutusan, 2 informan pengajian teknologi media, 2 informan pengajian pengurusan awam, dan pengajian lain seperti statistik industri, pendidikan (teknologi maklumat), kewangan, perniagaan antarabangsa, kaunseling, pengurusan pelancongan dan pentadbiran perniagaan masing-masing mewakili seorang informan. Kesemua informan berada dalam tahun pengajian antara tahun pertama hingga tahun keempat.

Dalam kajian ini, temubual menggunakan seorang pemudah cara untuk perbincangan. Temubual juga dirakam dalam pita rakaman MP3 dan rakaman video. Temubual diadakan pada 25 Februari 2014 (2 sesi) dan 4 Mac 2014 (2 sesi). Lokasi pengumpulan data diadakan di Bilik Diskusi, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia. Jangka masa temubual bagi sesi kumpulan fokus ini ialah antara dua sehingga tiga jam. Informan juga dikehendaki menyenaraikan lima jenis maklumat keagamaan yang pernah mereka layari YouTube di dalam kertas jawapan. Temubual ini direkodkan dalam pita rakaman dan ditranskripkan perkataan demi perkataan. Data kemudiannya dianalisa menggunakan kaedah analisis tematik.



## **Demografi Generasi Muda Islam Dan Kepekaan Terhadap Aqidah**

### **Profil Informan**

Dalam kajian ini, temubual bersemuka secara kumpulan fokus yang melibatkan 31 pelajar Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai program yang beragama Islam. Temubual ini dibahagikan kepada empat kumpulan mengikut umur, jantina, latar belakang pendidikan dan program pengajian. Sesi kumpulan 1 mewakili 8 pelajar perempuan dan sesi kumpulan 2 mewakili 8 pelajar lelaki. Sesi kumpulan 3 mewakili 7 pelajar lelaki dan sesi kumpulan 4 pula mewakili 8 pelajar perempuan. Dari segi umur, kesemua 31 informan berumur sekitar antara 20 tahun hingga 25 tahun. Dari segi tahap pendidikan (kemasukan universiti) pula, 10 informan mempunyai kelayakan matrikulasi, 9 informan berpendidikan STPM, manakala 7 informan berpendidikan STAM dan 5 informan berpendidikan Diploma. Dari segi program pengajian seramai 8 informan mengikuti pengajian kewangan dan perbankan Islam, 4 informan pengajian pentadbiran muamalat, 3 informan pengajian perakaunan, 3 informan pengajian undang-undang, 2 informan pengajian sains pemutusan, 2 informan pengajian teknologi media, 2 informan pengajian pengurusan awam, dan pengajian lain seperti statistik industri, pendidikan (teknologi maklumat), kewangan, perniagaan antarabangsa, kaunseling, pengurusan pelancongan dan pentadbiran perniagaan masing-masing mewakili seorang informan. Kesemua informan berada dalam tahun pengajian antara tahun pertama hingga tahun keempat.

### **Latar Belakang Keluarga Informan dan Pendidikan Agama Islam**

Hasil kajian membincangkan latar belakang keluarga informan dan pendidikan agama Islam. Kesemua informan bagi setiap sesi mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Bagi sesi 1, 2 dan 3, latar belakang pendidikan informan bercampur iaitu pernah bersekolah agama dan tidak pernah bersekolah agama (sekolah biasa). Manakala informan bagi sesi 4, kesemua informan pernah bersekolah agama. Dari segi latar belakang pendidikan agama ahli keluarga, sebahagian ahli keluarga informan mempunyai pendidikan sekolah agama dan sebahagian lagi mendapat pendedahan tentang agama Islam melalui ahli keluarga (bapa, datuk, nenek), ceramah-ceramah di masjid atau surau, kelas agama dan medium elektronik (radio atau televisyen).

Apapun setiap insan akan terikut dengan orang yang terdekat ataupun orang yang berada disekelilingnya. Sebagaimana sabda Nabi SAW:

Seseorang itu adalah mengikut agama temannya, oleh itu hendaklah seseorang itu meneliti siapa yang menjadi temannya. (Hadis riwayat Abu Daud)

## **Pencarian Maklumat Berkaitan Aqidah Melalui You Tube Dalam Kalangan Generasi Muda Islam**

Pada bahagian ini, pengkaji cuba mendedahkan secara khusus perkara utama yang menjadi pegangan dalam kehidupan seseorang muslim terutamanya yang melibatkan generasi muda Islam. Pendedahan kategori Aqidah adalah sebagai gambaran awal untuk meperlihatkan kepekaan mereka terhadap benteng yang mendasari perjalanan hidup mereka. Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan di kalangan generasi muda Islam menunjukkan bahawa mereka mempunyai kefahaman yang baik terhadap perkara-perkara pokok dalam Islam bermula dengan dua kalimah syahadah sehingga menunaikan haji. Informen secara asasnya memahami kepentingan aqidah dalam kehidupan. Mereka juga mampu mengenengahkan sumber yang menjadi rujukan kepada mereka bagi mengenalpasti perkaitan di antara kehidupan duniawi dan juga ukhrawi. Sumber utama tersebut, dinyatakan melalui nas al-Quran dan Sunnah Nabi S.A.W.

Informan mengenengahkan kepentingan akidah dalam kehidupan. Mereka meletakkan rukun Islam sebagai panduan kepada mereka dalam menelusuri kehidupan sebagai seorang muslim. Dalam masa yang sama mereka mampu mengenengahkan ibarat dan contoh yang boleh dikaitkan dengan suasana semasa. Dalam kehidupan harian terutamanya dalam organisasi semua pekerja diminta menunjukkan ikrar dan sumpah taat setia. Di dalam Islam, sudah tentu ikrar dan taat setia adalah suatu yang mesti dilakukan oleh seseorang hamba jika ia adalah seorang Islam yang sejati. Kefahaman mereka terhadap kalimah syahadah pula, dapat diaplikasikan dalam pelbagai dimensi yang menunjukkan keagungan tauhid dan berakidah kepada Allah. Ia merupakan satu ikrar yang mesti dipatuhi oleh setiap mereka yang mengaku Islam. Maka tidak sempurna Islam seseorang itu, bahkan tidak diterima tanpa kesaksian syahadah terhadap Allah dan RasulNya.

Fungsi Kalimah syahadah juga, membentuk perilaku seseorang dan rasa keimanan yang mendalam terhadap keesaan Allah. Melaluinya, maka lahir lah ungkapan yang disertakan dengan kepercayaan dan dipraktis dengan amal perbuatan yang menggambarkan keseluruhan hidup seseorang muslim. Selain itu, tidak terdapat kebergantungan yang lain selain Allah dalam hidup. Kepercayaan bukan hanya dibibir semata-mata, malah menjadi realiti apabila setiap perbuatan yang dilakukan adalah berdasarkan suruhan dan larangan agama. Selain itu, aqidah berperanan membezakan antara muslim dan bukan muslim dari sudut kepercayaan, pegangan dan iktikad. Peranan yang amat besar hasil daripada pegangan akidah yang betul, bukan hanya untuk kehidupan yang melibatkan organisasi dan kehidupan individu, ia turut melibatkan satu amanah yang besar. Amanah tersebut adalah merupakan tanggungjawab seorang hamba kepada tuhan nya sebagai khalifah yang bertanggungjawab memakmurkan bumi ini dengan akidah yang benar. Pengukuran keimanan seseorang terletak pada iman yang mendalam dan kepercayaan yang dipraktikkan dengan suruhan dan larangan daripada Allah.

Jadual di bawah memperlihatkan jawapan informan berkaitan persoalan yang berhubung dengan akidah yang menjadi pegangan dan kepercayaan yang dihayati oleh mereka.

## JAWAPAN

1. Islam bukan terletak pada nama Islam sahaja. Pengetahuan tersebut adalah satu nikmat – I1S1
2. Rukun Islam adalah asas maklumat yang lengkap – I8S1
3. Rukun Islam wajib difahami oleh orang Islam – I4S1
4. Rukun Islam merupakan kunci utama seorang Muslim – I2S1, I7S1
5. Setiap rukun tersebut berkait antara satu sama lain – I7S1
6. Rukun Islam satu permulaan dengan kalimah syahadah, solat, puasa, zakat dan haji – I3S1
7. Rukun Islam - kebergantungan kepada Allah dan Rasul dan mengaplikasikan setiap rukun tersebut. – I6S1
8. Rukun Islam sebagai panduan dan imej umat Islam supaya tidak tergelincir dari landasan Islam – I1S2
9. Konsep rukun Islam memahaminya dengan lebih mendalam – I1S2, I2S2
10. Rukun Islam sebagai panduan umat Islam dan muncul dari hadith Jibril – I3S2
11. Rukun Islam diibaratkan sebagai pokok yang mempunyai daun, dahan, akar, bunga, dan juga buah – I4S2
12. Rukun Islam umpama sebuah rumah yang mempunyai tiang – I5S2
13. Rukun Islam adalah penting – I5S2
14. Rukun Islam umpama sebuah bangunan yang mempunyai lima pintu – I6S2
15. Rukun Islam sebagai imej seorang Islam – I7S2
16. Rukun Islam adalah sebagai kepercayaan dan keyakinan kepada Allah – I8S2
17. Rukun Islam terkandung di dalam Al-quran – I8S2
18. Mengucap dua kalimah syahadah – akidah (I1S3),
19. penyaksian kepada Allah dan Rasul (I4S3, I5S3)
20. pengakuan Allah (I6S3, I7S3)
21. Permulaan umat Islam setelah mengucap dua kalimah syahadah dan wajib melakukan lima perkara (lima rukun Islam) – I3S4
22. Syahadah adalah ikrar seorang muslim – I4S4
23. Rukun Islam wajib dilakukan dengan memperbaharui syahadah, melakukan solat fardhu, zakat, menunaikan puasa di bulan Ramadhan dan menunaikan haji bagi yang berkemampuan – I5S5
24. Jatuh kufur jika meninggalkan kelima-lima rukun Islam – I7S4
25. Rukun Islam perlu dilakukan sebagai seorang Islam seperti solat, puasa dan haji jika mampu – I8S4
26. Dua kalimah syahadah merupakan satu penyaksian. Ia seperti satu rasa sejuk - tidak boleh dilihat. Kalimah shahadah - menuntut umat Islam untuk berjihad. Kalimah shahadah-kepercayaan kepada Allah dan keagungan Allah – I2S1
27. Shahadah - iman, penyaksian dan kepercayaan kepada Allah – I3S1
28. Kalimah shahadah menunjukkan Allah yang Esa – I5S1
29. Rukun Islam dan rukun Iman, Kalimah shahadah- diperbaharui di dalam setiap solat – I7S1

30. Kalimah syahadah - Peringatan untuk umat Islam dan merupakan kepercayaan dan keyakinan kepada Allah dan juga kebergantungan sepenuhnya kepada Allah. Kebergantungan kepada Allah. Mengingati dan dilindungi Allah – I8S1
31. Dua kalimah syahadah-pegangan, akidah orang Islam dan Nabi Muhammad menyampaikan merupakan perantaraan – I1S1
32. Dua kalimah syahadah merupakan satu penyaksian. Ia seperti satu rasa sejuk - tidak boleh dilihat. Kalimah shahadah - menuntut umat Islam untuk berjihad. Kalimah shahadah-kepercayaan kepada Allah dan keagungan Allah – I2S1
33. Shahadah - iman, penyaksian dan kepercayaan kepada Allah – I3S1
34. Kalimah shahadah menunjukkan Allah yang Esa – I5S1
35. Rukun Islam dan rukun Iman, Kalimah shahadah- diperbaharui di dalam setiap solat – I7S1
36. Kalimah syahadah - Peringatan untuk umat Islam dan merupakan kepercayaan dan keyakinan kepada Allah dan juga kebergantungan sepenuhnya kepada Allah. Kebergantungan kepada Allah. Mengingati dan dilindungi Allah – I8S1
37. Dua kalimah syahadah syarat sebagai muslim – I1S2
38. Dua kalimah syahadah bukan hanya sekadar ungkapan tetapi perlu mendalami – I1S2
39. Kalimah sangat penting terutama sebelum meninggal dunia – I2S2
40. Mentauhidkan Allah dari segi rububiyah dan Asmaul sifat – I3S2
41. Mengikut suruhan atau sunnah nabi dan mempercayai hadith – I3S2
42. Apa yang dilakukan hanya untuk Allah dan perlu melaksanakan suruhan dengan baik melalui kefahaman – I4S2
43. Membezakan muslim dan muslim iaitu mengamalkannya – I5S2
44. Praktikal dalam kehidupan supaya mengingati hubungan dengan Allah – I5S2
45. Syahadah syarat seseorang sebagai muslim – I6S2
46. Merupakan kalimah agung yang membezakan orang islam dan bukan Islam – I7S2
47. Kalimah syahadah bergantung kepada pemahaman seseorang –I7S2
48. Akidah dan kepercayaan – I8S2
49. Kepercayaan tiada tuhan selain Allah dan yang kedua kepercayaan Nabi Muhammad itu adalah pesuruh Allah -I1S3
50. Percaya Allah tu ada dan tidak mempersekutukannya, manakala Rasulullah sebagai pesuruh yang wajib diikuti- I1S3
51. Sesiapa yang berniat untuk memeluk agama Islam dan orang Islam sendiri yang bermaksud mengesakan Allah dan menjadi tunjang dan akar dalam Islam - I1S3
52. Bahawa kalimah shahadah amat penting - I4S3
53. Sebagai pegangan dan pendirian seorang Islam dan Nabi Muhammad diutuskan –I6S3
54. Percaya dan yakin bahawa Allah adalah satu dimana Allah mencipta, menghidupkan dan mematikan manusia dan Nabi Muhammad sebagai pemimpin-I6S3
55. Dua kalimah shahadah ialah bukti kesetiaan kepada Allah dan pesuruh Allah Nabi Muhammad.-17S3


56. Kalimah shahadah merupakan penentuan untuk akidah umat islam supaya tidak terpesong - I1S3
57. Untuk mengelakkan kegoyahan akidah - 13S3
58. Shahadah meneguhkan pendirian umat Islam - I5S3
59. Tanda cinta dan kasih kepada Allah dan rasul - I6S3
60. Merupakan suruhan Allah dan sekiranya tidak diikuti, maka nerakalah tempatnya -I7S3
61. 'Fi'li ', 'qalbi' dan 'aqli' bermaksud mengaku Allah maha Esa dan nabi Muhamad itu pesuruh Allah – I1S4
62. Kepercayaan mengucap dua kalimah syahadah bererti kepercayaan kewujudan Allah – I1S4, I7S4
63. Syahadah - kunci masuk syurga - I2S4, I5S4
64. Syahadah - mendekatkan diri kepada Allah – I2S4
65. Syahadah - tanggungjawab dan peranan yang perlu dibuat sebagai khalifah di muka bumi – I2S4
66. Syahadah - kelebihan dari segi hidayah menutup aurat sebagai muslimin – I2S4
67. Kalimah syahadah - memperbaharui iman dari segi melakukan solat, puasa, zakat dan haji – I5S4
68. Kalimah syahadah membezakan orang Islam dan bukan Islam – I2S4, I5S4, I8S4
69. Kalimah syahadah adalah bukti tentang keesaan Allah – I3S4
70. Kalimah syahadah adalah ikrar dan pengakuan seseorang kepada Allah– I4S4
71. Kalimah syahadah menunjukkan sebagai seorang muslim – I4S4
72. Kalimah syahadah adalah kunci keimanan kepada Allah – I1S4, I2S4, I3S4, I5S4, I6S4
73. Kalimah syahadah menyucikan hati kerana hati seseorang selalu berubah-ubah– I6S4
74. Kalimah syahadah adalah asas islam termasuk akidah, syariah dan akhlak – I7S4
75. Kalimah syahadah adalah keyakinan mengatakan Allah itu Esa dan Nabi Muhammad pesuruh Allah – I8S4
76. Ilmu perbandingan agama (Dr. Zakir Naik & Ahmad Deedat), fardhu ain dan fardhu kifayah, cara membaca Al-Quran (tajwid & tarannum), video persoalan agama, nasyid dan zikir – I5S4
77. Ancaman-ancaman terhadap Islam –I1S3
78. Permasalahan berkaitan perbandingan agama. –I1S3
79. Kebesaran Allah –I3S3
80. Rukun dalam islam – I1S2
81. Mengukur iman seseorang – I1S2
82. Salah satu rukun islam – I3S2
83. Solat adalah perbuatan menunjukkan pengakuan iman – I1 S4

Berdasarkan temubual yang dijalankan didapati seramai 83 informan melayari YouTube berkaitan dengan akidah. Jadual di bawah menunjukkan analisa jenis maklumat agama Islam yang dilayari dalam YouTube.

Kategori	Bilangan Jawapan Informan
----------	---------------------------

Aqidah	<b>83</b>
Syariah	<b>142</b>
Akhlak / Tasawwuf	<b>87</b>
Umum	<b>7</b>

Hasil dapatan sepertimana carta di bawah, menunjukkan hanya 26% carian maklumat berkaitan dengan aqidah dilayari oleh mereka. Ini kerana perkara yang berkaitan dengan aqidah dilayari ketika timbulnya isu-isu semasa yang mendesak kepada kefahaman yang betul terhadap perkara tersebut seperti isu kalimah Allah, murtad dan lain-lainnya



**JAWAPAN INFORMAN JENIS MAKLUMAT KEAGAMAAN TERUTAMANYA  
AQIDAH MENGGUNAKAN YOUTUBE**

<b>JAWAPAN</b>	<b>KATEGORI</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Ilmu perbandingan agama (Dr. Zakir Naik &amp; Ahmad Deedat), fardhu ain dan fardhu kifayah, video persoalan agama – I5S4</li> <li>2. Ancaman-ancaman terhadap Islam –I1S3</li> <li>3. Permasalahan berkaitan perbandingan agama. –I1S3</li> <li>4. Kebesaran Allah –I3S3</li> <li>5. Zikir dan maksud –I4S3</li> <li>6. Tokoh-tokoh Islam, isu-isu semasa contoh kalimah Allah – I3S1</li> <li>7. Ceramah tanda-tanda kiamat, sihir – I5S1</li> </ol>	Aqidah

## Kesimpulan

Pemahaman dan pencarian terhadap aqidah melalui You tube dalam kalangan generasi muda Islam memperlihatkan tahap kefahaman mereka adalah baik. Ini kerana mereka mampu memahami asas pegangan Islam menurut urutan yang mesti diberikan keutamaan. Selain itu, perkara yang menyentuh persoalan akidah secara umumnya difahami dan mampu dikaitkan dengan persoalan semasa yang menyentuh tentang tuntutan hidup mereka. Informan juga, melayari YouTube adalah berdasarkan kepada isu-isu semasa yang berlegar di sekeliling mereka. Sebagai contoh, apabila media massa elektronik menonjolkan isu berkaitan aqidah, maka kecenderungan untuk melayarinya lebih diutamakan.

## Penghargaan

Kajian ini adalah sebahagian daripada Geran RAGS (*Research Acculturation Grant*) yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (Kod S/O: 12854).

## Bibliografi

- Al-Qur'an al-Karim. Basmih, Abdullah bin Muhammad Basmih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, 1968.
- Abu Fadl bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Sahih al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabī, 1985.
- Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah al-Naysaburi al-Hakim, *Al-Mustadrak*, Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- Abī Na'im al-Aṣbahānī, *Tathbit al-Imāmah wa al-Tartīb al-Khilāfah, Mawqī' Jāmi' al-Hadith*, Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, t.th.
- Abū Fida' Ismā'īl bin 'Umar Bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, Riyadh: Dār al-Tayibah li al-Nashr wa al-Tawzi', 1999.
- Aḥmad Bin Hanbal, *Musnad Aḥmad*, Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Makriyyah, 2007.
- Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Makriyyah, 2007.
- Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Al-Sunan al-Tirmidhī*, Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Makriyyah, 2007.
- Abu 'Abd Rahman Ahmad bin Shu'aib al-Nasai, *Sunan al-Nasai*, Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.

- Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah al-Naysaburi al-Hakim, *Al-Mustadrak*, Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Ḥimāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- Abu Fadl bin 'Ali bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fatḥh al-Bārī Syarḥ Sahih al-Bukhārī*, Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabī, 1985.
- 'Abd al-Wahab al-Daylami, *al-'Amal al-Jamā'ī Mahasinuh wa Jawānib al-Naqṣ fi Sana'*: Dar al-Hijrah, 1991.
- Aḥmad bin Hanbal, Abū 'Abd Allāh al-Shaybānī, *Fadāil al-Ṣaḥābah*, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1983.
- Ibrāḥīm Muṣṭafā et.al, *Al-Mu'jam al-Wasīf*, Istanbul: Dār al-Da'wah, 1980.
- Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1997.
- Muḥammad bin Ahmad bin Abū Bakar bin Faraḥ al-Anṣārī al-Qurṭūbī, *Al-Jāmi' al-Aḥkam al-Qur'an*, Riyadh : Dār al-'Alam al-Kutub, 2003.
- Muṣṭafā Mashhūr, *al-'Amal al-Jamā'ī*, terj. Abdullah Abd Hamid Alor Setar: Pustaka Ikhwan, 1985.
- Sulayman bin Ahmad bin Ayyub al- Tabrani, *Mu'jam al-Kabir li al- Tabrani*, al-Mawsul: Maktabah al-'Ulum Wa al-Hikam, 1983.
- Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn al-Nawāwī, *Riyaḍ al-Ṣaliḥīn*, ed. Muḥammad Naṣir al-Dīn al-Albānī, Beirut: Maktabah al-Islāmiyyah, 1983.
- Ismail Ibrahim, Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). e-mel: ismail@ikim.gov.my